



UUM
Universiti Utara Malaysia



e-PROCEEDING

ICSC 2023 | **8th** **INTERNATIONAL CASE STUDY CONFERENCE**

**FOSTERING COMPETITIVE BUSINESS ENVIRONMENT
FOR NATIONAL SUSTAINABILITY**

(e-ISSN: 2756-8482)

ORGANISED BY:



Institute for Management and
Business Research (IMBRe)

Universiti Utara Malaysia

SPONSORED BY:



**Proceedings of the 8th International Case Study Conference
(ICSC)**

**Ibis Melaka Hotel, Bandar Melaka, Malaysia
30 August-1 September 2023**

Editorial:

Narentheren Kaliappen

Nur Amirah Zakaria

Aida Muslieana Mustaffa

Cover Designed by:

Aida Muslieana Mustaffa

e-ISSN: 2756-8482

Published by:

Universiti Utara Malaysia 06010 UUM Sintok, Kedah MALAYSIA

Copyright © 2023 Institute for Management and Business Research (IMBRe)

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by any means without prior permission from the copyright holders.

TEACHING CASE

	Title	Page
1.	My Land is Neglected... My Land is Mortgaged... <i>Azrihisyam Jambut</i>	1
2.	Cry Me a River: Overcoming Public Policy Implementation Barriers Through Public Marketing <i>Iswalah Arshad, Zarina Rahim</i>	14
3.	Auto 365, Aesthetic Blue Wave and X50: The Steps of Diversification Strategy Implementation of Kental Bina Sdn. Bhd. <i>Mohd Sufli Yusof, Muhamad Ali Imran Kamarudin, Azahari Ramli, Hasnizam Hasan</i>	30
4.	Crisis at Go First – India's Low-Cost Airline <i>Raghavendra Rao G N, Harish R</i>	34
5.	Managing Unexpected Crises in Event Business Organizations: The Case of QLIC Solution <i>Yen Sin Foo, Asmahany Ramely, Noor Amalina Yusof, Rozila Ahmad</i>	44
6.	HRD Corp's Stakeholder Engagement Practices <i>Nursafwah Tugiman, Marfunizah Ma'Dan, Saidatul Nurul Hidayah Jannatun Naim Nor Ahmad, Mohamad-Noor Salehhuddin Sharipudin, Soffian Mohammed Amin</i>	52
7.	Another Blow or A Resurrection? <i>Cordelia Mason</i>	57
8.	Business Distribution Model: Change or Not to Change? <i>Abdul Kafi, Nizamuddin Zainuddin, Yuhainis Mohd Yusoff, Norita Deraman</i>	63

RESEARCH CASE

	Title	Page
1.	Revolutionizing Recruitment: Navigating Recruitment Trends for Long-Term Success <i>Uthaya Prakash Santhanam</i>	68
2.	A Study on Multinational Company's Management Control and Coordination Mechanism towards Subsidiaries in Kulim Industrial Area <i>Sanggetha Gopalan, Narentheren Kaliappen</i>	78
3.	A Case Study of Work-Life Balance among Female Investigator <i>Harularasan S/O Krishnan, Ida Juliana Hutasuhut, Mohamad Hardyman Barawi, Ross Azura Zahit</i>	93
4.	Effect of Dividends Policy on Firms Size, Leverage and Performance <i>Jeniza Jamaludin, Bachevinder Singh, Saiful Bahri Sufar</i>	106
5.	Critical Success Factors (CSFs) For Waste Management Service Provider in Malaysia <i>Mazri Yaakob, Nur Arlieatul Marissa Sulong Muharom, Nurul Fahira Fazleen Che Abas, Haikal Ismail</i>	121
6.	Unveiling the Symbolic Tapestry: The Mauritian Traditional Hindu Symbolic Kerchief in the Artworks of Arvin Ombika <i>Arvin Ombika</i>	133
7.	The Issues and Challenges of Diversification Strategy: The Case of Sutera Sanjung Sdn. Bhd. <i>Muhamad Ali Imran Kamarudin, Mohd Sufli Yusof, Azahari Ramli, Shahrina Othman, Hasnizam Hasan</i>	144
8.	Diversification Strategies Among Small-Medium Enterprises: Embracing Practical Solutions in the Implementation of Indah Teraju Sdn. Bhd. <i>Muhamad Ali Imran Kamarudin, Juraifa Jais, Syamsuriana Sidek, Abdul Rahman Jaaffar, Maliani Mohamad</i>	154

9.	Whistleblowers, Media and the Law: Challenges in Combating Corruption <i>Mukhriz Mat Rus, Normahfuzah Ahmad, Ahmad Shahrman Ahmad Tekmezi</i>	165
10.	Sustainability Development Model of MSMEs Through Financial Literacy and Financial Inclusion <i>Winda Riskianita, Tiko Pajri, Tohir Tohir, Firmansyah Firmansyah, Hamsani Hamsani</i>	176
11.	Village Fund Problems: Unraveling Problems Towards Accountable Village Fund Management in Bangka Regency, Bangka Belitung Islands Province in Indonesia <i>Alisaputra, Andi Jaenuri, Iwan Yunanto, Nasirudin Kholish, Nizwan Zukhri</i>	184
12.	Utilization of Technology in Financial Management has Positive Impact on the Results of Sales of MSMEs in South Bangka <i>Meidarina Yunfin, Leo Adiwina, Mas Agus Muhammad Fahmi Fauzi, Darus Altin</i>	191
13.	The Conception of the Inheritance and Development of Cantonese Opera in Malaysia <i>Wong Oi Min</i>	200
14.	Spatial Decision Support System based on Multicriteria Decision Analysis and Spatial Information for Flood Management Planning: Location Analysis for Construction of New Hospital Building in Kelantan, Malaysia <i>Mohammad Fikry Abdullah, Zurina Zainol, Amri Md Shah</i>	212
15.	Road Safety in Aerotropolis: Enhancing Student Awareness Through Gamification Engagement <i>Nur Khairiel Anuar, Rohafiz Sabar</i>	226
16.	Blockchain Intellectual Property (BCIP) <i>Saeed Ali Faris Alketbi, Massudi Mahmuddin</i>	238
17.	Cryptocurrencies: Disrupting International Money Transfers Through Technology <i>Saeed Ali Faris Alketbi, Massudi Mahmuddin</i>	253

18.	Modernizing of Plant Records Management: A Case Study of UUM'S Herbs Garden <i>Nur Syazwani Mohd Naw, Fadhilah Mat Yamin, Wan Hussain Wan Ishak, Siti Nur Aziah Abdul Wahab, Fatin Liyana Abdul Hamid</i>	264
19.	Proposed Airport Terminal and Commercial Facilities in Kedah Aerotropolis, Kedah <i>Rohafiz Sabar, Nur Khairiel Anuar</i>	273
20.	Strategic Evolution: Enhancing China Railway Construction Group Co., Ltd. Marketing Approach for Quality Growth and Scalability <i>Yuan Xiangxianga, Rohafiz Sabar</i>	285
21.	Managing the Unmanageable: Crisis Management <i>Asmahany Ramely, Foo Yen Sin, Noor Amalina Mat Yusof, Rozila Ahmad, Nick Tan Yeet Fhong</i>	298
22.	Graduate Communication Issues from Industrial Perspectives <i>Marfunizah Ma'dan, Nursafwah Tugiman, Saidatul Nurul Hidayah Jannatun Naim Nor Ahmad, Mohamad-Noor Salehhuudin Sharipudin</i>	311
23.	Understanding the Challenges of the Halal Frozen Foods Distribution Channel in the ABC Industry <i>Abdul Kafi, Nizamuddin Zainuddin, Yuhainis Mohd Yusoff, Norita Deramand</i>	318
24.	New Construction Technology Application of Bricks by Using Organic Waste from Sugar Refinery Industry <i>Maheera Mohamad, Khai Lin Chong, Rahimi Abidin, Noor Hidayah Abu, Mohd Rizal Razalli, Che Azlan Taib, Yuhainis Mohd Yusoff</i>	324
25.	Potentiality of Pressmud Application in Soil for Palm Oil Plantation Productivity <i>Maheera Mohamad, Mohd Rizal Razalli, Md Abdul Kafi, Alminnourliza Noordin, Rosini Nawang Mustapen, Haikal Ismail, Khai Lin Chong</i>	330

26.	EUDR and Potential Collaboration with Malaysian Palm Oil Industry Stakeholders <i>Uthaya Kumar Muthu</i>	337
27.	Technology as an Enabler for Smallholder Inclusion and European Union Deforestation Free Regulation (EUDR) <i>Uthaya Kumar Muthu, U.R. Unnithan, Prakash Santhanam</i>	349

My Land is Neglected... My Land is Mortgaged...

Azrihisyam Jambut

INTAN Bukit Kiara

Synopsis

There are many issues, especially involving the enforcement of Local Authorities (PBT), District and Land Office (PTD), and Department of Environment (JAS), which are among the frontline government agencies in a state. The overlapping and scope of authority of each agency is always an ongoing issue that affects effective and efficient enforcement actions. This matter creates a negative perception among the public because the agencies responsible are perceived as not carrying out their duties and responsibilities entrusted to them. As a result, these authorities are often blamed. To eliminate this perception, PBT, PTD, and JAS need to collaborate closely and communicate with each other and the community to provide more effective services that meet their expectations. Technological advancements allow for more varied and effective communication. Information delivery can be done through channels such as community leaders or periodic dialogue programs to provide enlightenment and ideas on how the services of each agency can be improved with feedback from the public as stakeholders.

This case study discusses the incident of a garbage fire at an illegal waste disposal site in the village area of Sungai Kertas, adjacent to Sungai Tua Gantian, Ulu Yam, which started at around 4:00 pm on September 24, 2009. As a result of the fire, the residents of Sungai Kertas village and the surrounding area were exposed to severe air pollution problems. The garbage had been illegally dumped in the area without control for almost 3 years. Most of the land involved was privately owned, especially in the hilly area near the road to Ulu Yam, and was unoccupied, which became a factor in it becoming a target for illegal waste disposal by irresponsible parties. The area involved consisted of 5 lots of private land and company-owned land with a total area of almost 27.3 acres. The affected village residents lodged complaints with the Selayang Municipal Council (MPS), Department of Environment (JAS), and Gombak District and Land Office (PTDG) regarding the issues they faced. This incident was also covered by a television station as a headline news, with the presenter describing it as evidence of the government agencies' failure to carry out their duties and responsibilities. This case illustrates the dilemma faced by MPS in handling enforcement issues related to the illegal dumping of waste in Sungai Kertas village and the compliance of landowners with the land use conditions stipulated in the land ownership documents. It also provides an insight into the villagers' perception of the effectiveness of monitoring and enforcement by MPS, PTDG, and JAS regarding the issue of illegal waste disposal. PTDG needs to assist MPS and JAS in resolving this problem quickly and clearing the name of MPS and JAS from the negative perception held by the residents of Sungai Kertas village regarding their effectiveness in carrying out their duties and responsibilities in addressing the issue of illegal waste disposal.

Keywords: Waste Management, Disaster Management, Responsibility

*Corresponding author. Tel.: +0-000-00000000; Fax: +0-000-00000000
E-mail: author@institute.com

Tanahku Diabai... Tanahku Tergadai...

Azrihisyam Jambut

INTAN Bukit Kiara

Sinopsis

Terdapat banyak isu-isu terutama yang melibatkan penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah (PTD), serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang merupakan antara agensi kerajaan barisan hadapan di sesebuah negeri. Pertindihan serta skop bidang kuasa setiap agensi sentiasa menjadi satu isu yang berlarutan dan menjejaskan tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan efektif. Perkara ini memberikan persepsi negatif kepada masyarakat kerana agensi yang sepatutnya bertanggungjawab dikira tidak menjalankan tugas serta kewajipan yang telah amanahkan, dan pada kebiasannya, pihak-pihak berkuasa ini akan terus dipersalahkan. Bagi mengikis persepsi ini, PBT, PTD dan JAS perlu sentiasa bekerjasama rapat dan berkomunikasi antara satu sama lain dan dengan masyarakat untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan menepati ekspektasi mereka. Kemajuan teknologi membolehkan komunikasi menjadi lebih bervariasi dan berkesan. Penyampaian maklumat boleh dibuat melalui saluran seperti pemimpin masyarakat atau program dialog dari semasa ke semasa untuk memberi pencerahan dan idea bagaimana perkhidmatan setiap agensi ini dapat dipertingkatkan dengan maklumbalas daripada masyarakat sebagai salah satu pemegang taruh.

Kajian kes ini membincangkan berkenaan insiden kebakaran sampah di tapak pelupusan sampah haram di kawasan kampung Sungai Kertas bersebelahan Sungai Tua Gantian, Ulu Yam yang bermula lebih kurang jam 4.00 petang, 24 September 2009. Akibat daripada kebakaran itu, penduduk kampung Sungai Kertas dan kawasan sekitar terdedah kepada masalah pencemaran udara yang teruk. Sampah-sampah tersebut telah dibuang secara haram di kawasan tersebut dengan tidak terkawal selama hampir 3 tahun lamanya. Sebahagian besar adalah tanah hakmilik terutamanya di kawasan berbukit berdekatan jalan menuju Ulu Yam serta tidak diduduki dan menjadi salah satu faktor menyebabkan ianya menjadi sasaran tempat pelupusan sampah haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kawasan yang terlibat terdiri daripada 5 lot tanah hakmilik persendirian dan syarikat yang mempunyai keluasan keseluruhan hampir 27.3 ekar. Penduduk kampung yang terkesan telah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), dan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) mengenai masalah yang dihadapi oleh mereka. Kejadian ini juga turut dibuat liputan oleh sebuah stesen TV sebagai berita utama dengan penyampainya menyifatkan ianya sebagai bukti kegagalan agensi kerajaan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Kes ini menggambarkan kemelut yang dihadapi oleh pihak MPS dalam menangani masalah penguatkuasaan dalam isu pembuangan sampah haram di kampung Sungai Kertas dan isu pematuhan pemilik tanah kepada syarat-syarat penggunaan tanah masing-masing seperti yang telah ditetapkan di dalam dokumen hakmilik tanah. Kes ini juga memberi gambaran tentang persepsi penduduk kampung terhadap keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak MPS, PTDG dan JAS berkenaan isu pembuangan sampah secara haram. Pihak PTDG perlu membantu MPS dan JAS untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa yang singkat dan membersihkan nama MPS dan JAS dari persepsi negatif penduduk kampung Sungai Kertas tentang keberkesanan MPS dan JAS dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dalam menangani isu pembuangan sampah haram.

Kata kunci: Pengurusan Sisa, Pengurusan Bencana, Tanggungjawab

24 September 2009 (Jam 4.00 petang)

SENARIO 1: Kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Haram Kampung Sungai Kertas, Mukim Batu, Daerah Gombak (LAMPIRAN 3 & 4)

Pada petang 24 September 2009, lebih kurang Jam 4.30 petang, di Kampung Sungai Kertas, Sungai Tua, Batu Caves, kelihatan seorang lelaki separuh umur berlari-lari anak menuju rumah ketua kampung.

- Rahman : Api! Api! Api! Tok ketua! Tok ketua! Api! (jerit Rahman termengah-mengah sambil mengatur nafas)
- Yaakob : Bertenang. Bertenang Man. Ada apa kau berlari sampai termengah-mengah ni?
(Ketua Kg. Sg. Kertas)
- Rahman : Tengok tu Tok (kata Rahman sambil menunjuk jari ke arah asap berkepul-kepul dari arah jalan besar menuju Ulu Yam)
- Yaakob : Kenapa tu? Apa berlaku? Rumah siapa terbakar?
- Rahman : Sampah. Sampah yang diorang buang kat sana secara haram tu dah terbakar tok. Teruk tok.
- Yaakob : Ya ampun. Dah berkali-kali kita buat aduan ke MPS sejak 3 tahun lepas lagi. Apa yang mereka buat? Mereka tak buat kerja ke?

(Dari arah Jalan kelihatan beberapa orang penduduk kampung berjalan laju menuju rumah pak Akob, ketua kampung Sungai Kertas.)

- Orang : Tok! Tok! Tok! (Laung mereka berulang-ulang). Tengok asap tebal tu tok!
Kampung
- Yaakob : Ya! Ya! Aku dah tahu dah. Si Rahman ni dah bagitahu tadi. Sampah haram kat Sungai Tua Gantian tu terbakar. Ada sesiapa dah telefon Bomba?
- Samad : Dah tok. Lepas tahu tadi terus saya telefon balai bomba Selayang. Saya juga dah maklumkan En. Megat penguatkuasa MPS dan Tok Penghulu Zaimi. Saya minta dia maklumkan pejabat tanah. (Samad, salah seorang ahli Jawatankuasa keselamatan (JKK) Kampung Sungai Kertas menjawab pantas)
- Abu : Ahli Majlis dan pejabat ADUN pun saya dah telefon Tok. Mereka kata mereka akan datang kejap lagi. YB Amrul (ADUN Batu Caves) tak ada, tapi pegawai khas dia kejap lagi sampai
- Yaakob : Oh. Kalau macam tu, panggil AJK yang lain. Kita semua ke sana.
- Samad : Baik Tok. (Lalu mereka semua bergegas ke tapak pelupusan sampah yang terbakar).

24 September 2009 (Jam 5.00 petang)

SENARIO 2: Kekecohan di bahagian penguatkuasaan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Kelihatan En. Megat, Timbalan Pengarah Penguatkuasa MPS yang baru keluar dari bilik Pengarah Penguatkuasa memanggil Ketua Unit Rondaan, En. Param.

- Megat (Timb. Pengarah Penguatkuasa) : Param! Param! laung Megat (sambil memutar kepala mencari-cari).
- Param (Penguatkuasa Kanan) : Yes bos! ada apa bos? (Sahut param sambil bergegas menuju ke arah Megat dengan laju).
- Megat : Param. Kau tahu tak tapak sampah haram kat Sungai Kertas tu terbakar?
- Param : Ayoyoo. betul ke bos? Masalah besar tu. (kata Param sambil terkejut). Teruk ke bos?
- Megat : Katanya teruk. Penghulu Zaimi *call* tadi, saya pun baru *brief chief*. Cerita orang buang sampah kat sana tu dah berapa tahun dah. Kita pun dah banyak kali bagi amaran kat operator tempat sampah haram tu kan? (sambil menggelengkan kepala)
- Param : Itulah bos, Geng-geng Ah Seng tu kan. Susah diorang tu bos. Tak mau dengar cakap. Asyik iya. iya saja.
- Megat : Ada buat rondaan kat sana tak?
- Param : Selalu bos! Susah betul nak tangkap lori sampah yang masuk situ. *Time* kita pergi, sunyi sepi. Masa kita buat operasi statik kat pintu masuk situ, haram, satu lori pun tak datang. Tonto-tonto diorang asyik ikut kitorang saja.
- Megat : Iyalah. Kita tahu kerja kita. Masalahnya, *public* asyik salahkan kita, kata kita tak buat kerja.
- Param : Itulah bos, bila orang kampung *report*, kita terus pergi sana. Tapi bila sampai sana. Semua dah tak ada. Tapi sampah makin banyak. Kita banyak tempat lagi nak ronda. Belum cerita operasi lain lagi. Tiap-tiap minggu kita ada operasi. Kilang haram, lesen, rumah urut, *billboard*, setinggan. Takkan nak jaga kat situ saja.
- Megat : Dah. Dah, Jom. Siapkan *hilux*. Kita pergi sana. Panggil Zahari dan Razak sekali. Cepat sikit.
- Param : Baik bos. (sambil terus beredar dari situ dengan pantas)

24 September 2009 (Jam 5.05 petang)

SENARIO 3 : Sementara itu, pada masa yang lebih kurang sama, di Bahagian Teknikal dan penguatkuasaan Pejabat Tanah Daerah (PTD) Gombak.

En. Zuwahir, pegawai tanah kanan, kelihatan bertanya-tanya kepada beberapa orang pegawai di bahagian teknikal dan penguatkuasaan PTD Gombak apabila mendapati En. Azri (ADO¹ Penguatkuasa) tiada dibiliknya. Apabila beliau ingin beredar turun ke bahagian pengurusan tanah, beliau terlihat kelibat En. Azri menaiki tangga.

Zuwahir : En. Azri. En. Azri. (panggil Zuwahir apabila melihat kelibat ADO penguatkuasa tersebut menaiki tangga menuju Bahagian Penguatkuasaan). Sejak dari tadi saya cari En. Azri. Saya call En. Azri tak dapat tadi.

Azri (ADO Penguatkuasa PTD Gombak) : Iya Zuwahir, ada hal apa ni? Nampak macam *urgent*? (sambil mengerutkan kening).
Saya baru lepas jumpa DO² pasal isu setingan Bukit Botak.

Zuwahir : Parah En. Azri. Tapak pelupusan sampah haram kat Sungai. Kertas tu dah terbakar.

Azri : Aduh. Betul ke? Minggu lepas baru lepas *cover* kes sampah haram kat SG 8, Sri Gombak tu. Penat saya jawab dengan Karam Singh Walia dengan Pushpa Aduan Rakyat hari tu. (sambil menghela nafas)

Zuwahir : Betul cik. Tok Zaimi call tadi, katanya, bomba pun dah ada kat sana tengah kawal api, MPS dan JPAM pun katanya *on the way* ke sana.

Azri : Ok-ok. Siapkan hilux. Kita terus ke sana.
Awak turun dulu, saya call DO sekejap nak inform dia.

Zuwahir : Baik En. Azri.

(En. Azri terus mengambil telefonnya dan menelefon Tuan DO bagi memaklumkan kejadian kebakaran tersebut.)

Azri (ADO Penguatkuasa PTD Gombak) : Assalamualaikum tuan. Maaf ganggu tuan. Saya baru dapat maklumat Tapak pelupusan sampah haram kat Sungai Kertas terbakar?

Tuan Huzaini (DO PTD Gombak) : Waalaikumsalam Azri. Oh. Iya ke?

Azri : Iya tuan. Tok Zaimi, Penghulu Mukim Batu ada *call* Zuwahir tadi masa saya *discuss* dengan tuan berkenaan Bukit Botak, katanya bomba pun dah ada kat sana tengah kawal api supaya tak merebak, MPS dan JPAM³ pun katanya dah *on the way* ke sana.

Tuan Huzaini : Teruk ke kebakaran tu?

¹ Assistant District Officer (Penolong Pegawai Daerah)

² District Officer (Pegawai Daerah)

³ Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

- Azri : Tok Zaimi maklumkan bahawa kebakaran yang berlaku tu agak teruk. Tapak pelupusan sampah haram tu pun dah dekat 3 tahun dah beroperasi. Banyak kali dah kita ingatkan MPS untuk ambil tindakan. Sekarang ni dah terbakar pula.
- Tuan Huzaini : Aduh. Iya ke? Ok-ok, kamu ke sana segera, saya maklumkan Dato' SUK dan YB Dato' Hassan Abu dulu. Nanti saya terus ke sana. Kamu tengok dulu, apa kita boleh bantu.
- Azri : Baik tuan. Sampai sana nanti, dapat maklumat, terus saya *update* tuan. (sambil berjalan pantas menuju ke tempat letak kereta penguatkuasa).
- Tuan Huzaini : Baik. Cuba dapatkan maklumat sebanyak mungkin daripada MPS, Tok Zaimi dan JKK kampung. Nanti saya terus ke sana.
- Azri : Baik tuan. (sambil mematikan talian dan memasuki *hilux* dan terus mengarahkan pemandu supaya segera ke lokasi kebakaran).

24 September 2009 (Jam 7.00 malam)

SENARIO 4 : Di tapak lokasi pelupusan sampah haram Sungai Kertas yg sedang terbakar

Berikutan kejadian kebakaran di tapak pelupusan sampah haram itu, tiga jentera bomba dari balai bomba Selayang telah dikerahkan ke kawasan kebakaran bagi mengawal supaya api tidak merebak. Kelihatan di lokasi, EXCO⁴ kerajaan negeri, Eliza Wong bersama ahli-ahli majlis kawasan pihak berkuasa tempatan Selayang dan Batu Caves telah berkumpul di bawah khemah di jalan masuk ke kawasan kejadian. Di sana juga kelihatan Pegawai Daerah Gombak, Yang di-Pertua (YDP) MPS, ketua polis daerah Gombak, jurutera daerah jabatan parit dan saliran, dan lain-lain. (termasuk penghulu, beberapa ahli Majlis MPS, ahli JKK kampung Sungai Kertas dan Sungai Tua).



Peta menunjukkan lokasi kajian kes di kampung Sungai Kertas, Batu Caves, Daerah Gombak, Negeri Selangor.

⁴ Executive councillor (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri)



Gambar-gambar Insiden Kebakaran di tapak pelupusan sampah haram berdekatan kampung Sungai Kertas, Batu Caves, Selangor pada 24 September 2009.

Sumber : TDI Batu Caves Blog

Pada petang 24 September 2009 itu juga, satu Sesi Perbincangan di Lokasi telah diadakan di tapak bagi mencari penyelesaian segera :

Azmi (Ketua : Api semakin besar ni. Kawasan terbakar luas, hampir tiga ekar lebih. Susah nak
Balai Bomba padam YB⁵. (memandang Eliza Wong sambil menggelengkan kepala)
Selayang

⁵ Yang Berhormat

- Eliza Wong : Api tak boleh nak dipadamkan tuan Azmi? Perlu ke kita minta bantuan jentera dan anggota bomba tambahan dari balai bomba Rawang dan Sungai Buloh?
- Azmi : Bukan masalah nak padam kebakaran YB. Api, kita masih boleh kawal dari merebak. Lagipun tiada penempatan di sekeliling tanah-tanah kat sini. Cuma ada kandang lembu kat pintu masuk jalan tu saja.
- Eliza Wong : Siapa punya kandang lembu tu? Apa perancangan anggota bomba seterusnya untuk pastikan kebakaran tak merebak? Kena ada perancangan awal, teruk saya tengok kebakaran ni. Api dah sampai hampir bangunan tiga tingkat tinggi.
- Azmi : Kata MPS tadi, kandang lembu itu dibina secara haram YB. Saya bercadang untuk panggil dua jentera lagi dari Rawang, YB. Kita akan pam air dari sungai sebelah jalan utama tu untuk pastikan kebakaran ini berkurangan dan tidak merebak.
- Eliza Wong : Bila agaknya kebakaran ni oleh dipadamkan tuan Azmi?
- Azmi : Dari pemerhatian saya dan maklumat MPS, sampah-sampah ni terlalu banyak, dah bertimbun. Kat dalam tanah pun ada sampah, mereka buang kemudian mereka tutup dengan lapisan tanah, kemudian mereka buang sampah lagi YB. Lama-lama, sampah-sampah domestik ni keluarkan gas metana dan etana. Memang mudah terbakar, susah nak padam sebab dah banyak sangat.
- Dato' Rahman (Ahli Majlis MPS) : Tuan DO, sebelum ni, tiada ke tindakan untuk halang mereka buang sampah kat tanah ni? Tanah siapa ni? Pejabat Tanah? Apa berlaku?
- DO : Kami telah buat semakan, ini semua tanah hakmilik YB, Dato' Rahman. Tanah Sungai Tua gantian ini adalah tanah yang dikhususkan oleh kerajaan negeri yang diberi sebagai ganti kepada pemilik tanah di kawasan empangan batu yang tanahnya diambil sebelum ini untuk buat empangan batu.
- Eliza Wong : Habis tu, siap punya tanggungjawab ni? Pembuangan sampah kat tanah ni?
- Dato' YDP MPS : Sepatutnya PTD pantau tanah ni. PTD yang jaga tanah. Kami mana boleh suka-suka masuk tanah orang. (kata Dato' YDP MPS sambil membuka pelan kawasan majlis lokasi Sungai Tua)
- DO : Saya dah nyatakan tadi YB, Dato' YDP. Tanah ni adalah tanah hakmilik. Kami bertanggungjawab atas tanah kerajaan atau tanah rizab yang belum mempunyai hakmilik lagi. Tanah hakmilik adalah tanggungjawab tuan tanah.
- Dato' YDP MPS : Ini kan melibatkan tanah yang digunakan secara tak betul, sepatutnya PTD pantau tanah ni
- DO : Ini bukan isu tanah Dato' YDP. Ini isu sampah. *Common sense*. Kalau sampah, tanggungjawab siapa Dato' YDP? Tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Bukan pejabat tanah. Sepatutnya penguatkuasa MPS boleh tahan lori sampah dari masuk ke kawasan ini untuk buang sampah. Kena tengok balik bidang tugas dan tanggungjawab jabatan. (Tuan DO menjawab dengan tegas).

(Melihat keadaan menjadi semakin tegang, YB Eliza pantas mencelah);

- Eliza Wong : Baik! Baik! Tuan DO, Dato' YDP. Kita bukan nak cari salah sesiapa. Kita nak selesaikan masalah ni. Adakah perlu kita aktifkan jawatankuasa bencana peringkat daerah? (LAMPIRAN 2). Pejabat MB⁶ pun dah bagi *green light* jika kita rasakan ianya satu keperluan untuk memudahkan penyelarasan. Tuan DO akan pengerusikan dan selaraskan bagi mencari solusi terbaik. Bagaimana pendapat tuan DO?
- DO : Saya dah berbincang dengan tuan Azmi, ketua balai bomba Selayang tadi. Beliau maklumkan api ni memang sukar nak dipadamkan dalam masa yang singkat. Mereka belum pasti berapa lama boleh padamkan api sampah ni, tapi mereka akan pastikan kebakaran terkawal dan tak merebak ke tempat lain.
Saya setuju untuk cadangkan kita aktifkan Majlis Pengurusan Bencana Peringkat Daerah Gombak untuk saya dan ketua-ketua jabatan lain selaraskan isu ini dengan teratur kerana melibatkan banyak pihak. Asap tebal ni, bahaya untuk penduduk kampung. Kita pun dah panggil JAS untuk pantau. Bomba dah beritahu tadi, air sampah pun dah masuk ke dalam parit dan Sungai Tua tu. Kita tak mahu pencemaran air pulak, sebab bomba siram air nak padam api, dah terlalu banyak sampai banjir kat kandang lembu haram kat sebelah tu.
- Eliza Wong : Baik. Tuan DO, Dato' YDP. Saya setuju. Saya dah maklum kepada Dato' Dr. Hassan Abu (EXCO Infrastruktur & Kemudahan Awam Negeri Selangor). MB pun dah tahu dan minta kita selesaikan segera isu ini
- DO : Baik YB. Saya pun dah telefon Dato' Dr. Hassan Abu. Beliau ada lawatan kerja di JB. Malam ini dia terus balik dan saya pun dah minta pegawai saya aturkan perjumpaan bersama beliau, ADUN⁷ Sungai Tua, ahli majlis PBT bersama wakil penduduk dan tuan-tuan tanah yang terlibat ni dan sekitarnya di pejabat daerah besok, sekali dengan semua agensi terlibat.
- Tok ketua, ada apa-apa cadangan? (sambil memandang Pak Akob)
- Yaakob (Pak Akob) : YB, Tuan DO., Dato' YDP. Dah lebih tiga tahun kami hadapi masalah sampah haram ni.
Saya sebagai ketua kampung Sungai Kertas, mewakili penduduk kampung dan pemilik tanah berharap supaya YB, Tuan DO dan Dato' YDP dapat cari jalan penyelesaian terbaik untuk halang operator sampah haram ni buang sampah kat situ lagi. Bau busuk, asap yang membahayakan penduduk, keselamatan anak-anak kampung pergi sekolah dengan kehadiran lori sampah yang rata-rata dipandu secara laju, membahayakan penduduk kampung.
Kami bukan tak pernah tegur dan marah mereka tu, tapi mereka ni berurusan dengan *gangster*. Itu yang kami semua takut.
- DO : Baik tok. Pegawai-pegawai saya pun ada buat siasatan dan tanya orang-orang sekitar sini. Kami juga ada dapat maklumat, ada juga tuan tanah yang bersekongkol dan mengambil sewa bulanan untuk tanah mereka yang jadi tapak pembuangan sampah ni. Kononnya untuk tambak kawasan yang bergaung tu. Buang sampah, tutup tanah. Tapi, yang mereka tak tahu, sampah kat bawah tu ada *chemical reaction*. Macam kata tuan Azmi tadi, bila dah terlalu banyak, keluar gas metana. Senang terbakar. Memang bahaya tok.
Tok juga dengar tadi makluman dari Jabatan Bomba dan Jabatan Alam Sekitar tadi kan? Bila dah terbakar. Memang teruk tok. Susah nak padam. Sampah kat bawah tu entah berapa tinggi dah.

⁶ Menteri Besar

⁷ Ahli Dewan Undangan Negeri

- Azmi : Memang bahaya tuan DO, tuan-tuan. Lepas ni, sesiapa yg masuk kawasan ni, kena pakai topeng pelitup muka. Gas-gas yang tersebar tu sangat bahaya, bila dah terbakar dah jadi karbon monoksida pula. boleh sesak nafas dan sebabkan bahaya pada paru-paru kita.
- Dato' YDP : Baik. Kami akan tempatkan penguatkuasa untuk halang orang masuk kawasan ini.
MPS : Tadi pun ada lori sampah nak masuk. Terus kami tahan dan akan keluarkan saman bawah undang-undang kerajaan tempatan.
- DO : Saya akan arahkan pegawai saya untuk siapkan laporan penuh, pemilik tanah, isu pembuangan sampah haram, berkenaan ada pemilik yang terlibat dan insiden kebakaran ini serta cadangan langkah seterusnya.
- Eliza Wong : Baiklah tuan DO, Dato' YDP, tuan-tuan. Dah hampir 10.00 malam ni. Saya tangguhkan dulu perbincangan kita kali ni. Kita lihat status terkini esok pagi. Terima kasih semua.

24 September 2009 (Jam 11.45 malam)

SENARIO 5 ; 'Buletin Malam' TV13

Azri yang merupakan ADO Penguatkuasa PTD Gombak baru melabuhkan punggung di sofa rumah sambil membuka televisyen setelah pulang dari tapak kebakaran sampah haram di Sungai Kertas. Beberapa minit kemudian rancangan 'Buletin Malam' TV13 ke udara. Antara tajuk utama berita adalah berkenaan kejadian kebakaran tapak pelupusan sampah haram di Sungai Kertas yang disifatkan oleh penyampainya sebagai suatu bencana yang tidak sepatutnya berlaku. Penyampai berita 'Buletin Malam' juga menyifatkan ianya sebagai bukti kegagalan agensi kerajaan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Beliau turut menyiarkan beberapa sedutan wawancara pendek pemberita di lokasi dengan pegawai bomba yang menjalankan operasi pemadaman api dan beberapa penduduk sekitar yang berada di tempat kejadian. Kelihatan komen penduduk-penduduk sekitar yang menyatakan rasa tidak puas hati dengan pihak berkuasa terutama MPS dan JAS yang disifatkan tidak melaksanakan tugas dengan cekap walaupun menurut mereka sudah berkali-kali aduan berkenaan tapak pelupusan sampah haram yang didakwa mereka telah beroperasi hampir tiga tahun dibuat.

Sebaik sahaja liputan tersebut berakhir, Azri mendail nombor telefon pengarah penguatkuasa MPS iaitu Rahim, untuk bertanya mengenai perkara tersebut. Pada akhir perbualan mereka, Azri telah memaklumkan kepada Rahim bahawa beliau bersama tuan Pegawai Daerah dan beberapa pegawai dari PTD Gombak akan meninjau ke tapak kebakaran sampah haram di Sungai Kertas pada keesokan pagi untuk melihat status semasa dan turut memaklumkan bahawa tuan Pegawai Daerah telah mengaktifkan Jawatankuasa Bencana peringkat daerah dengan bilik operasinya di bilik Majlis Keselamatan Daerah, PTD Gombak. Pada sebelah petang pula akan diadakan sesi perbincangan dengan EXCO Infrastruktur & Kemudahan Awam Negeri Selangor Dato' Dr' Hassan Abu berkaitan masalah tersebut. Rahim telah bersetuju untuk menunggu di lokasi kebakaran pada jam 8.00 pagi esok.

25 September 2009 (Jam 2.30 petang)

SENARIO 6 ; Mesyuarat penyelarasan di Bilik Mesyuarat Utama, PTD Gombak.

Berdasarkan Insiden kebakaran yang berlaku, PTD Gombak telah mengambil Inisiatif mengadakan mesyuarat penyelarasan yang dihadiri oleh wakil MPS, wakil JPS, ahli Majlis MPS, penghulu, ketua kampung, pemilik-pemilik tanah, wakil pemilik tanah (syarikat) bersama peguam mereka. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Dato' Dr. Hasan Abu selaku Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam Negeri

Selangor, bagi mencari solusi terbaik bagi menangani masalah tapak pelupusan sampah haram di Sungai Kertas.

Dato' Dr. : Assalammualaikum dan Salam sejahtera kepada semua ketua-ketua jabatan, Hasan Abu Penghulu, Pengerusi dan ahli JKK Kampung Sungai kertas serta pemilik dan wakil pemilik tanah yang terlibat dengan tapak pelupusan sampah haram di Sungai Kertas di Sungai Tua Gantian, Mukim Batu Daerah Gombak.
Perjumpaan kita pada petang ini adalah untuk berbincang dan cuba mencari solusi terbaik bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di Sungai Kertas.
Seterusnya saya mohon tuan DO untuk memberi sedikit penjelasan berkenaan isu yang berlaku.

DO : Terima kasih Dato' Dr. Hassan Abu selaku pengerusi majlis. Kita semua maklum, telah terjadi satu insiden kebakaran di tapak pelupusan sampah haram di Sungai. Kertas yang berlaku pada petang 24 September 2009 lebih kurang jam 4.00 petang.
Sebagai makluman YBhg. Dato' Pengerusi, sehingga petang ini, melalui makluman pihak bomba, kebakaran masih belum dapat dipadamkan dan kita telah mengaktifkan Majlis Bencana peringkat daerah bagi melancarkan urusan penyelarasan dengan jabatan-jabatan yang terlibat bagi menangani isu kebakaran tersebut.

Dato' Dr. : MB dan Dato' SUK⁸ dah maklum tentang perkara ni Tuan DO?
Hasan Abu

DO Pihak kami telah memberi taklimat awal kepada Dato' SUK dan pejabat Menteri Besar berkenaan status terkini keadaan di tapak insiden Dato'.
Secara ringkas, tapak pelupusan sampah haram berkenaan dikenalpasti melibatkan 5 lot tanah hakmilik, iaitu tiga milik individu dan dua milik syarikat yang jumlah keluasan keseluruhan lebih kurang 27.3 ekar (LAMPIRAN 1). Kesemua status kategori guna tanah yang terlibat adalah berstatus pertanian. Sebagai makluman ahli mesyuarat, pada bulan Oktober 2008, notis 7A (LAMPIRAN 8), iaitu notis supaya pemilik tanah meremеди tanah mereka kepada keadaan asal kerana telah melakukan kesalahan pelanggaran syarat guna tanah dibawah seksyen 127 KTN 1965 telah dikeluarkan kepada pemilik-pemilik tanah tersebut. Sehingga kini didapati, pemilik-pemilik tanah masih gagal meremеди atau membaikpulih tanah masing-masing seperti yang sepatutnya.

Dato' Dr. : Ada apa-apa maklumbalas daripada pemilik tanah?
Hasan Abu

Karim : Assalammualaikum Dato' Dr. Hassan, saya mewakili keluarga saya yang merupakan waris daripada arwah ayah saya yang merupakan salah seorang pemilik tanah yang terlibat ingin memohon bantuan kepada pejabat tanah untuk menghalau operator yang buang sampah haram di sana. Kami para waris, tidak tahu menahu perkara ini kerana kebanyakan kami tidak tinggal di kawasan tersebut.

Peguam : Selamat sejahtera Dato Pengerusi, saya mewakili anak guam saya iaitu Syarikat Lumbong Setapak yang mempunyai lebih kurang 10.3 ekar tanah di kawasan tersebut juga ingin menyatakan bahawa pihak kami tidak tahu jika terdapat pihak setapak S/B

⁸ Setiausaha Kerajaan Negeri

tidak bertanggungjawab yang membuang sampah di atas tanah anak guam kami. Oleh itu pihak kami juga ingin memohon pejabat tanah atau MPS supaya dapat menghalang orang untuk buang sampah di atas tanah anak guam kami. Pejabat tanah patut jaga tanah kami.

- Dato' Dr. : Ada lagi pemilik tanah yang terlibat hadir? atau apa-apa maklumbalas daripada Hasan Abu pemilik tanah yang lain?
- Yaakob : Assalammualaikum YB Dato' Hassan Abu. Saya selaku ketua kampung Sungai Kertas, mewakili penduduk kampung amat berharap supaya pejabat tanah dan MPS berbuat sesuatu dengan segera kerana hampir tiga tahun kami berdepan situasi yang tidak menentu ini. Tambahan sekarang dah terbakar teruk, jadi asap tebal amat berbahaya kepada kesihatan penduduk kampung. Sebelum ini ada kejadian terbakar juga, tapi tak seteruk ini.
- Dato' Dr. : Tuan DO, ada apa-apa perkembangan setelah Tuan DO bermesyuarat dengan Hasan Abu Dato' SUK dan pejabat MB semalam?
- DO : Seperti yang telah saya jelaskan tadi YB Dato' Pengerusi, ahli mesyuarat yang saya hormati, kesemua tanah yang terlibat adalah tanah hakmilik. Pihak pejabat tanah bertanggungjawab atas tanah kerajaan yang belum mempunyai hakmilik lagi serta tanah-tanah rizab kerajaan.
Bila tanah sudah menjadi tanah hakmilik, adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah untuk menjaga tanah masing-masing. Takkanlah tanah sendiri nak suruh orang jaga pula. Betul tak?
- Karim : Jadi, apa yang kerajaan boleh bantu kami, pemilik tanah?
- DO : Pihak kerajaan pun tidak boleh sesuka hati masuk tanah hakmilik orang lain, sebagai contoh isu sampah, pihak MPS bertanggungjawab untuk kutip sampah di kawasan pentadbirannya. Jika, ada orang buang sampah secara haram di tanah kerajaan, maka MPS boleh ambil tindakan kerana kesalahan kacau ganggu. MPS juga ada maklumkan bahawa penguatkuasa MPS ada buat rondaan dan tahan lori sampah dari masuk ke kawasan itu untuk buang sampah. Tetapi oleh kerana ia tanah hakmilik, maka MPS agak sukar untuk ambil tindakan, seperti tuan-tuan beli barang dan bawa masuk rumah tuan-tuan. Bagaimana pihak luar nak ambil tindakan dalam rumah tuan-tuan?
Dalam rumah atau tanah tuan-tuan adalah tanggungjawab tuan-tuan. Laporan yang saya bentangkan kepada Dato' SUK dan pejabat MB semalam telah dipersetujui untuk pihak kerajaan mengambil tindakan sewajarnya dengan pelaksanaan prosedur perampasan tanah jika tuan tanah masih tidak meremеди atau baikpulih tanah mereka lagi. (Tuan DO menjawab dengan tegas)
- Karim : Tetapi Tuan DO, mereka ini berurusan dengan “gangster”, bagi amaran banyak kali pun, kami pula yang diugut dan sebagainya. Kami takut keselamatan diri dan ahli keluarga kami. Nak pergi ke sana pun kami takut. Macam mana kami nak buat?
- Dato' Dr. : En. Karim, negara kita ni ada undang-undang. Salah satu cara adalah dengan Hasan Abu membuat laporan polis jika ada pihak yang menceroboh tanah tuan-tuan. Saya setuju dengan Tuan DO. Penjelasan beliau jelas. Kita ambil contoh rumah tuan-tuan. Adakah tuan-tuan benarkan orang yang tak dikenali untuk memasuki rumah tuan-tuan? Jika berlaku, apa tindakan yg boleh tuan-tuan lakukan?

Salah satunya, buat laporan polis. Ya. Samalah juga dengan tanah tuan-tuan ini. Kena jaga, pagar dan sebagainya supaya orang tak ceroboh. Tanah dah ada pemilik. Ada geran. Kena jagalah.

DO : Betul Dato'. Pihak kami tidak boleh memasuki tanah hakmilik secara sesuka hati. Ada prosedur yang perlu diikuti. Tetapi jika pihak kami dapati tuan tanah melanggar syarat guna tanah yang telah ditetapkan, maka, tanah tersebut boleh dirampas oleh kerajaan mengikut prosedur Seksyen 127-130 KTN 1965 (LAMPIRAN 7 dan 8) atas kesalahan pelanggaran syarat guna tanah. Jika tuan tanah masih tidak meremеди tanah beliau mengikut tempoh-tempoh tertentu setelah menerima notis kesalahan. Kita bukannya suka-suka nak merampas tanah orang, tetapi jika tuan tanah masih tidak bertanggungjawab dengan membiarkan tanahnya begitu sahaja sehingga menyusahkan pihak lain. Dalam kes ini, bau busuk dan asap tebal yang mengancam kesihatan penduduk sekitar, maka kerajaan tidak mempunyai pilihan lain selain daripada mengambil tindakan sewajarnya mengikut undang-undang sedia ada (LAMPIRAN 5 dan 6).

Dato' Dr. : Begitulah tuan-tuan. Kita dah mendengar dengan panjang lebar penjelasan Tuan Hasan Abu DO Gombak. Saya bersetuju dengan penjelasan beliau, dan disini saya amat berharap supaya pemilik-pemilik tanah dapat mengikut undang-undang sedia ada dan melakukan perkara yang sewajarnya bagi menjaga tanah hakmilik masing-masing. Kalau dah dapat notis tu, cubalah ambil tindakan sewajarnya. Esok petang, saya bersama Tuan DO akan berjumpa MB bagi membentangkan laporan dan cadangan tindakan susulan berhubung insiden kebakaran ini. Hari pun dah semakin petang. Jika tiada apa-apa hal lain lagi, saya tangguhkan dulu mesyuarat ini. Sekian, Terima kasih

SENARIO 7 : Tanggungjawab Azri

Setelah selesai mesyuarat Penyelarasan Bersama Dato' Dr. Hasan Abu, Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam Negeri Selangor, Azri terus bergegas ke biliknya bagi menyiapkan laporan terperinci berkenaan insiden kebakaran di tapak pelupusan sampah Sungai Kertas dan hasil perbincangan dalam mesyuarat penyelarasan untuk diserahkan kepada Tuan DO pada esok pagi. Tuan DO juga telah mengarahkan beliau untuk berbincang dan membantu pihak bomba, MPS dan JAS bagi mengatasi masalah ini dengan kadar segera dan input-input yang berkaitan daripada setiap agensi yang berkenaan. Tuan DO berharap agar input-input yang diberikan itu nanti dapat membantu beliau untuk menyediakan laporan yang lengkap yang akan dibentangkan kepada pejabat MB nanti.



UUM
Universiti Utara Malaysia



ICSC 2023

8th INTERNATIONAL CASE STUDY CONFERENCE

**FOSTERING COMPETITIVE BUSINESS ENVIRONMENT
FOR NATIONAL SUSTAINABILITY**

ORGANISED BY:



Institute for Management and
Business Research (IMBRe)
Universiti Utara Malaysia

SPONSORED BY:



UMW